



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN SOLAT BAGI
MURID-MURID BERMASALAH
PEMBELAJARAN.**

ARNIE BINTI ADNAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengkaji tuntutan dan tatacara solat murid bermasalah pembelajaran dalam Program j-QAF di Program Pendidikan Khas serta aspek rukhsah dalam pelaksanaannya. Responden terdiri daripada tiga orang pakar bidang agama dan dua orang guru di sebuah Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran Daerah Perak Tengah. Pengumpulan data menggunakan teknik temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan tuntutan solat murid bermasalah pembelajaran adalah, pertama gugur bagi terencat akal teruk, kedua memiliki sebahagian kelayakan melaksana bagi yang berakal tetapi tidak mencapai tahap normal dan ketiga memiliki kelayakan melaksana sempurna bagi yang memiliki akal normal tetapi bermasalah tingkah laku dan kesukaran mengingat. Tatacara solat murid bermasalah pembelajaran menekankan aspek rukhsah dan tahap kemampuan murid. Kajian turut mencadangkan aspek pengajaran bacaan mudah dalam solat. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan tuntutan solat bagi murid bermasalah pembelajaran adalah berdasarkan tahap akal dan kemampuan. Implikasi kajian menunjukkan pengetahuan tentang tuntutan dan aspek kemampuan serta pelaksanaan Program j-QAF boleh membantu meningkatkan penguasaan solat murid.





PERFORMING OF PRAYERS FOR LEARNING DISABILITY PUPILS

ABSTRACT

The aim of this qualitative study is to investigate the requirements and *solat* procedures for pupil with learning disabilities in j-QAF Program within the Special Education Program and the facet of *rukhsah* in its implementation. Respondents consisted of three experts in religious affairs and two special education teachers from an Integrated Special Education Program in the district of Perak Tengah. Data collection involved interview protocol and documents analysis. The findings indicates that the requirements for *solat* for pupils with learning disabilities are, firstly, null and void for those with severe cognitive problems, secondly, partially required for those with moderate cognitive issues that is considered to be below the normal standard, and thirdly, is compulsory for those who have normal intelligence but suffering from behavioral and short term memories issues. *Solat* procedure for pupil with learning disabilities emphasizes the aspect of *rukhsah* and the degree of the child's abilities to perform. The study suggested that special efforts be made to teach the child simple recitation for *solat*. The study concluded that the requirements for *solat* for pupils with learning disabilities are based on the degree of their cognitive challenges and abilities to perform it. Implications of the study indicate that knowledge on the requirements and child's ability to perform *solat* plus the implementation of the j-QAF will improve pupils' *solat* performances.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalan Kajian	10
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	14



1.9	Skop Kajian	15
1.10	Batasan Kajian	17
1.11	Definisi Operasional	17
1.12	Rumusan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Definisi Masalah Pembelajaran	23
2.3	Kategori-kategori Murid Bermasalah Pembelajaran	28
2.4	Kedudukan Murid Bermasalah Pembelajaran Menurut Syarak	35

2.5	Isu-isu Berkaitan Solat	51
2.6	Rukhsah Menurut Syariat Islam	56
2.7	Tatacara Solat Murid Bermasalah Pembelajaran	57
2.8	Program Pendidikan Islam di Pendidikan Khas	72
	2.8.1 Negara-negara Asia Tenggara	72
	2.8.2 Malaysia	76
2.9	Model PdP Amali Solat j-QAF di Pendidikan Khas	81
2.10	Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Topik Ibadah (Wuduk dan Solat) Murid Bermasalah Pembelajaran	86
2.11	Kajian Pengajaran Pendidikan Islam Bagi Murid Bermasalah Pembelajaran	95
2.12	Kajian Program j-QAF	98
2.13	Rumusan	102

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	107
3.2	Reka Bentuk Kajian	110
3.3	Lokasi Kajian	115
3.4	Responden Kajian	115
3.5	Instrumen Kajian	118
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	120
3.7	Prosedur Kajian	124
	3.7.1 Kajian Lapangan	124
	3.7.1.1 Prosedur Temu bual Pakar	125
	3.7.1.2 Prosedur Temu bual Guru Pendidikan Khas	126
	3.7.2 Penganalisan Data	127
3.8	Rumusan	128

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	130
4.2	Tuntutan solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	131
	4.2.1 Tuntutan solat	132
	4.2.2 Halangan Syarak	134
	4.2.3 Hukum Solat Jumaat	135
	4.2.4 Isu-isu Didikan dan Qada Solat	136
4.3	Tatacara Solat Termudah Murid Bermasalah Pembelajaran Mengikut Hukum Islam	138

4.3.1	Rukhsah	138
4.3.2	Bacaan Dalam Rukun Solat	139
4.4	Kategori Murid Bermasalah Pembelajaran Yang Terlibat Dalam Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF	140
4.5	Aspek Rukhsah Dalam Modul PdP Amali Solat j-QAF Terhadap Kemudahan Penguasaan Solat Murid Pendidikan Khas	142
4.6	Rumusan	145

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	147
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	148

5.2.1	Tuntutan Solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	148
5.2.2	Tatacara Solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	151
5.2.3	Kategori Murid Bermasalah Pembelajaran Yang Terlibat Dalam Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF	152
5.2.4	Aspek Rukhsah Dalam Modul PdP Amali Solat j-QAF Terhadap Kemudahan Penguasaan Solat Murid Pendidikan Khas	153
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	154
5.3.1	Tuntutan Solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	155
5.3.2	Halangan Syarak Bagi Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	157
5.3.3	Hukum Solat Jumaat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	159

5.3.4	Isu-isu Didikan dan Qada Solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	162
5.3.5	Tatacara Solat Temudah Murid Bermasalah Pembelajaran Mengikut Hukum Islam	163
5.3.6	Kategori Murid Bermasalah Pembelajaran Yang Terlibat Dalam Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF	165
5.3.7	Aspek Rukhsah Dalam Modul PdP Amali Solat j-QAF Terhadap Kemudahan Penguasaan Solat Murid Pendidikan Khas	167
5.4	Kesimpulan dan Implikasi Kajian serta Cadangan Kajian Lanjutan	170
5.5	Rumusan	174
	RUJUKAN	176

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Kategori Tuntutan Solat Murid Bermasalah Pembelajaran mengikut syarak	50
2.2 Tatacara Solat Murid Bermasalah Pembelajaran	70
2.3 Penglibatan Murid dan Aspek Rukhsah dalam Model PdP Amali Solat j-QAF di Pendidikan Khas	84
2.4 Pengajaran Solat dalam Modul PdP Amali Solat j-QAF di Pendidikan Khas	85
3.1 Profil Responden Kajian	118
4.1 Tuntutan Solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	133
4.2 Halangan Syarak bagi Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	134
4.3 Hukum Solat Jumaat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	136
4.4 Tatacara Solat Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	140
4.5 Tuntutan Solat Murid Bermasalah Pembelajaran dan Aplikasi dalam Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF	142
4.6 Pelaksanaan dan Aspek Rukhsah dalam Modul PdP Amali Solat j-QAF	144
5.1 Bacaan Ringkas Ketika Solat	164
5.2 Perbandingan Analisis Dokumen dengan Temu bual Kategori Murid Bermasalah Pembelajaran dalam Program j-QAF Amali Solat	166

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian Pelaksanaan Solat Bagi Murid-murid Bermasalah Pembelajaran	13
-----	---	----

SENARAI SINGKATAN

&	Dan
2 nd	<i>Second</i>
3 rd	<i>Third</i>
4 th	<i>Fourth</i>
3M	membaca, menulis, mengira
AAMR	<i>American Association on Mental Retardation</i>
ABM	Alat Bantu Mengajar
ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactive Disorder</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BP	Bermasalah Pembelajaran
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
DCD	<i>Developmental Co-ordination Disorder</i>
DI	<i>Direct Instruction</i>
dll.	dan lain-lain
ed.	Edisi
Eds.	Editors
GPI	Guru Pendidikan Islam
GPIPK	Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas

GTPI	Guru Tambahan Pendidikan Islam
hal.	Halaman
html	<i>hypertext</i>
http	<i>hypertext transfer protocol</i>
IDEA 04	<i>Individuals with Disabilities Education Act of 2004</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IQ	<i>Intelligence quotient</i> (darjah kecerdasan otak)
Jil.	Jilid
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
j-QAF	jawi, al-Quran, Arab dan Fardhu Ain
KBS	Kem Bestari Solat
KHEU	Kementerian Hal Ehwal Ugama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSRPK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas
LAC	<i>Learning Assistance Centre</i>
MPA	<i>Malaysian Psychiatric Association</i>
MTQ	Majlis Tilawah al-Quran
NJCLD	<i>The National Joint Committee in Learning Disabilities</i>
No.	Nombor
OKU	Orang Kelainan Upaya
PI	Pendidikan Islam

PK	Pendidikan Khas
PPKIBP	Program Pendidikan Khas Intergrasi Bermasalah Pembelajaran
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
RTI	<i>Response to Intervention</i>
S.A.W.	Sallallahu ‘Alaihi Wasallam
SDLB	Sekolah Dasar Luar Biasa
SENA	<i>Special Education Needs Assistance</i>
SK	Sekolah Kebangsaan
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
SLB	Sekolah Luar Biasa
SRSD	<i>Self-regulated Strategy Development</i>
S.W.T.	Subhanahu Wa Ta’ala
Terj.	Terjemahan
TMm	Teknologi Multimedia
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UPK	Unit Pendidikan Khas
UPKU JPI	Unit Pendidikan Khas Ugama Jabatan Pengajian Islam
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-bahagian di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia
- B Surat Pengesahan Pelajar untuk Membuat Penyelidikan
- C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah-sekolah di Negeri Perak di Bawah Jabatan Pelajaran Negeri Perak
- D1 Soalan Temu bual Responden Pakar (Kajian Rintis)
- D2 Soalan Temu bual Responden Pakar
- E1 Soalan Temu Bual Responden Guru (Kajian Rintis)
- E2 Soalan Temu Bual Responden Guru
- F1 Transkrip Responden Pakar
- F2 Transkrip Responden Guru
- G Rumusan Senarai Semak Pencapaian Amali Solat Murid (Jan –Julai 2013)
- H Panduan Penilaian Bulanan Amali Solat
- I Borang Senarai Semak Penilaian Bulanan Amali Solat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Solat merupakan ibadah utama dan rukun Islam kedua yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang mukalaf (baligh dan berakal) dan suci berdasarkan beberapa ayat di antaranya (al-Zuhayli, 2010):

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

(Al-Quran, Surah al-Baqarah 2:43)

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Pelaksanaannya yang berbentuk wajib ini bagi mendekatkan diri kepada Allah. Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menyatakan berdasarkan dalil al-Quran, penjagaan solat misalnya mampu mencorakkan seorang yang dinamik, progresif, berdaya tahan, berkarisma dan soleh lagi bertakwa. Menurut mereka lagi berdasarkan beberapa ayat al-Quran yang lain, kelalaian terhadap solat pula menjadikan seseorang itu lemah pendirian, mudah terpedaya, sakit nuraninya dan rosak amalnya.

Selain itu, pensyariatan solat telah wujud sejak nabi-nabi sebelum nabi Muhammad S.A.W.. Malah ia merupakan kefarduan amali pertama dalam setiap pengutusan para rasul sebagai bukti kepada keimanan dan pengabdian diri kepada Allah (Anisah, 2008). Didikan terhadap solat perlu dilakukan sejak anak-anak masih kecil. Ini juga merupakan salah satu pendidikan keimanan yang diketengahkan oleh Abdullah (2010) mengenai pendidikan anak-anak menurut Islam. Hal ini adalah bertepatan dengan hadis Rasulullah S.A.W. yang bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ
وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

(Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, jil.1, hal.185, no.495, hadis hasan)

Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang pada usia tujuh tahun dan pukullah dia jika meninggalkan sembahyang pada usia sepuluh tahun dan pisahkan antara mereka di tempat tidur.



Pengajaran secara berperingkat bermula dari kecil sebagai persediaan untuk membiasakan anak-anak bagi melaksanakan ibadah yang disyariatkan apabila mereka mencapai umur baligh (Abdullah, 2010).

Ini bermakna, kewajipan solat terhadap setiap mukalaf termasuk yang berkeperluan khas tidak gugur secara mudah. Menurut Ab. Aziz, Mohamad Kamil, Anisah, Mohd Fauzi Hamat, dan Nor Raudah Siren (2009), tuntutan tersebut dengan mengambil kira syarat-syarat mukalaf, jenis-jenis kelayakan dan halangan-halangan mendapatkan kelayakan untuk melaksanakan tuntutan ibadah menurut syarak. Selain itu, pengajaran dan penekanan terhadap orang kelainan upaya (OKU) ini adalah berdasarkan tahap kemampuan mereka (Ab. Aziz et al., 2009).

1.2 Latar belakang kajian

Kurikulum murid pendidikan khas bermasalah penglihatan dan pendengaran menggunakan kurikulum kebangsaan dengan pengubahsuaian dari sudut penyampaian aktiviti bagi memenuhi objektif pembelajaran berdasarkan keperluan murid. Bagi murid bermasalah pembelajaran pula, mereka boleh memilih menggunakan kurikulum kebangsaan atau kurikulum alternatif kebangsaan bergantung kepada kesesuaian dan tahap kemampuan murid (Jamila, 2005).

Pendidikan Islam turut diajar di sekolah-sekolah Pendidikan Khas. Sebagaimana dinyatakan, murid-murid bermasalah penglihatan dan pendengaran menggunakan kurikulum kebangsaan. Tumpuan utama Pendidikan Islam sekolah rendah adalah kepada bidang Asuhan Tilawah al-Quran, bidang Asas Ulum Syariah, bidang Asas Adab dan Akhlak Islamiah serta Jawi. Pengajaran solat termasuk dalam topik ibadah di bawah bidang Asas Ulum Syariah (Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, 2002). Ketiga-tiga bidang ini merupakan fardu ain kepada setiap murid (Ahmad, 2008). Bagi murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran pula, terdapat empat bidang pembelajaran utama. Salah satunya ialah bidang kerohanian dan nilai-nilai murni. Pendidikan Islam dan pengajaran ibadah solat termasuk di dalam bidang ini (Jabatan Pendidikan Khas, 2005).

Penekanan terhadap ibadah solat dalam sistem pendidikan negara semakin ditingkatkan dengan pelaksanaan program j-QAF. Perkataan j-QAF tersebut merujuk kepada penekanan program tersebut dalam empat bidang utama iaitu jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain. Ibadah solat termasuk di bawah aspek fardu ain (Ahmad, 2008). Perluasan program j-QAF kepada murid pendidikan khas sesuatu yang amat baik dan sedang diperluaskan ke 2,366 kelas Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKIBP) serta 28 Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) secara berperingkat mulai tahun 2008 hingga 2014 (Rosniza, 2008). Projek rintis di bawah Program Pendidikan Khas telah dilaksanakan di 12 buah sekolah di Kelantan, Selangor,

Kedah dan Melaka bermula Julai 2007 (“j-QAF bagi 12,000 murid bermasalah,” 2007). Dua aspek diberikan tumpuan iaitu al-Quran dan fardu ain. Modul yang digunakan iaitu Modul Amali Solat bagi fardu Ain dan Modul Kaedah Iqra’ untuk tilawah al-Quran (Bahagian Pendidikan Khas, 2008a).

1.3 Pernyataan masalah

Rasulullah S.A.W. menyatakan tuntutan ibadah ke atas seseorang hanya gugur atas tiga sebab iaitu orang yang tidur, gila dan kanak-kanak sebagaimana hadis di bawah:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَخْتَلِمَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ

(Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Jil.4, hal.245, no.4405, hadis sahih)

Diangkat pena (terangkat taklif) dari tiga golongan: orang yang tertidur sampai dia terjaga, orang yang gila sampai dia sedar dan anak kecil sampai dia baligh.

Ini bermakna setiap tuntutan ibadah dalam Islam terhadap setiap mukalaf tidak hilang dengan mudah. Apatah lagi, ibadah solat yang merupakan teras kedua dalam rukun Islam yang wajib ditunaikan. Maka, timbul permasalahan di sini akan kewajipan solat murid-murid bermasalah pembelajaran kerana masalah yang dihadapi mereka berkait rapat dengan syarat utama mukalaf iaitu berakal. Tambahan daripada itu, terdapat juga

segelintir ibu bapa dan masyarakat yang kurang jelas akan kewajipan ibadah ke atas golongan berkeperluan khas (Fauziah Hanim Jalal et al., 2012). Kajian oleh Fauziah Hanim Jalal et al. (2012) mendapati kurang 50% ibu bapa yang terlibat dalam kajian tersebut menganggap solat kurang penting bagi anak-anak berkeperluan khas (bermasalah pembelajaran). Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mengkaji tuntutan solat murid-murid bermasalah pembelajaran yang terdiri daripada pelbagai kategori iaitu terencat akal, autisme, ADHD dan bermasalah pembelajaran spesifik berdasarkan perbincangan-perbincangan fiqh dan penulisan-penulisan ilmiah merangkumi syarat-syarat mukalaf, jenis-jenis kelayakan dan halangan dalam pelaksanaan taklif serta kemampuan yang diambil kira mengikut pandangan fiqh.

Permasalahan kedua yang timbul adalah berkaitan tatacara solat bagi murid-murid bermasalah pembelajaran. Terdapat enam rukun solat sahaja yang disepakati oleh keempat-empat mazhab iaitu takbiratulihram, berdiri (bagi yang mampu), membaca ayat al-Quran, rukuk, bangkit daripada rukuk dan iktidal dan sujud dua kali bagi setiap rakaat (Zaharuddin, 2008). Bagaimanapun, menurut mazhab Syafi'i, rukun solat terdapat sebanyak tiga belas. Kajian oleh Fauziah Hanim Jalal et al. (2012) mendapati bacaan dalam solat antara masalah dialami anak-anak berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. Tambahan daripada itu, pelaksanaan syariat dalam Islam turut menjadikan kemampuan sebagai syarat dalam pentaklifan sesuatu syariat (al-Mutawalli, 2001; al-Syatibi, 2001; al-Suyuti, 2004). Selain itu, terdapat pelbagai perbincangan fiqh antaranya



oleh al-Albani, (2000); al-Khin, al-Bugha, dan al-Syarbaji, (2000); al-Jauziyyah, (2006); al-Zuhayli, (2010) berkaitan tatacara solat Rasulullah S.A.W. dari segi niat, perlakuan dan bacaan berdasarkan hadis-hadis baginda yang sahih. Oleh itu, kajian adalah perlu untuk mengkaji secara mendalam tatacara solat yang paling mudah dan ringan dari segi niat (*qalbi*), perbuatan (*fi'li*) dan bacaan (*qauli*) menurut hadis Rasulullah S.A.W. untuk diaplikasikan terhadap murid-murid bermasalah pembelajaran.

Permasalahan terakhir adalah berkaitan pelaksanaan Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF di Pendidikan Khas dari segi kategori murid bermasalah pembelajaran yang terlibat dan modul tatacara solat yang digunakan. Model ini merupakan salah satu daripada dua model yang digunakan dalam program j-QAF di Pendidikan Khas. Program ini secara umumnya memberikan impak yang positif terhadap tahap penguasaan solat murid khas sebagaimana dapatan daripada Program Kem Bestari Solat (KBS) j-QAF Pendidikan Khas Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah) yang diadakan pada 17-20 Oktober 2011 di Perak iaitu terdapat peningkatan tahap penguasaan murid sebelum dan selepas mengikuti program bagi amali wudhuk dan solat (Unit Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, 2012). Kajian-kajian mengenai j-QAF di aliran perdana khusus berkaitan amali solat juga, secara umumnya menunjukkan hasil yang positif. Bagaimanapun, berdasarkan carian penulis terhadap kajian-kajian lepas di institut pengajian tinggi (IPT) tempatan, belum terdapat satu kajian khusus mengenai j-QAF di Pendidikan Khas. Selain itu, adakah modul perlakuan dan bacaan murid yang digunakan





sesuai dan mudah dikuasai oleh murid? Oleh itu, kajian ini mengkaji secara khusus pelaksanaan program dari segi kategori murid bermasalah pembelajaran yang terlibat dan tatacara solat yang diaplikasikan dalam Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF di Pendidikan Khas.

1.4 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tuntutan solat bagi murid bermasalah pembelajaran berdasarkan empat jenis kategori murid iaitu terencat akal, autisme, ADHD dan bermasalah pembelajaran spesifik. Selain itu, kajian mengetengahkan aspek rukhsah (keringanan) dan tatacara solat yang paling mudah untuk diaplikasikan oleh murid-murid tersebut dari segi niat, bacaan dan perbuatannya berdasarkan perbahasan fiqh dan dalil-dalil sahih daripada hadis Rasulullah S.A.W.. Berdasarkan tuntutan dan tatacara solat tersebut, kajian ini mengambil satu program di Pendidikan Khas yang memfokuskan khusus kepada pelaksanaan pengajaran solat iaitu melalui Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF di Pendidikan Khas dari segi kategori murid bermasalah pembelajaran yang terlibat dan modul tatacara solat yang digunakan.



1.5 Objektif kajian

Kajian ini menggariskan beberapa objektif kajian untuk dicapai seperti berikut:

- 1.5.1 Mendapatkan pandangan pakar terhadap tuntutan solat (kewajipan solat, hukum Solat Jumaat dan qada solat) mengikut kategori murid bermasalah pembelajaran berdasarkan syarat-syarat kelayakan dan halangan-halangan syarak.
- 1.5.2 Mengenalpasti aspek rukhsah dalam niat, perlakuan dan bacaan solat yang paling mudah untuk diajar dan diaplikasikan oleh murid bermasalah pembelajaran mengikut pandangan pakar.
- 1.5.3 Mengkaji kategori murid bermasalah pembelajaran yang terlibat dalam Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF di Pendidikan Khas berdasarkan tahap kelayakan melaksana (*ahliyyatul ada*).
- 1.5.4 Mengkaji aspek rukhsah (keringanan) dalam niat dan perlakuan solat yang digunakan dalam Modul PdP Amali Solat Program j-QAF di Pendidikan Khas bagi memudahkan penguasaan solat murid.
- 1.5.5 Mengkaji aspek rukhsah (keringanan) dalam bacaan solat yang digunakan dalam Modul PdP Amali Solat Program j-QAF di Pendidikan Khas bagi memudahkan penguasaan solat murid.

1.6 Persoalan kajian

Persoalan yang menjadi asas kepada kajian ini merangkumi beberapa aspek seperti berikut:

1.6.1 Sejauh manakah tuntutan solat dari segi kewajipan solat, hukum Solat Jumaat dan qada solat mengikut kategori murid bermasalah pembelajaran berdasarkan syarat-syarat kelayakan dan halangan-halangan syarak menurut pandangan pakar?

1.6.2 Apakah aspek rukhsah dalam niat, perlakuan dan bacaan solat yang paling mudah yang dibenarkan mengikut hukum Islam menurut pandangan pakar?

1.6.3 Apakah kategori murid bermasalah pembelajaran yang terlibat dalam Model Kelas PdP Amali Solat j-QAF di Pendidikan Khas berdasarkan tahap kelayakan melaksana (*ahliyyatul ada*)?

1.6.4 Sejauh manakah aspek rukhsah (keringanan) dalam niat dan perlakuan solat yang digunakan dalam Modul PdP Amali Solat Program j-QAF di Pendidikan Khas bagi memudahkan penguasaan solat murid?

1.6.5 Sejauh manakah aspek rukhsah (keringanan) dalam bacaan solat yang digunakan dalam Modul PdP Amali Solat Program j-QAF di Pendidikan Khas bagi memudahkan penguasaan solat murid?